



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 2/2023

MAI PAKAT MAI PESTA ANGIN TIMUR PERLIS 2023 KEMBALI LAGI

5 Mac 2023 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis telah menganjurkan program Pesta Angin Timur Perlis 2023 (PAT2023) edisi ke-11 yang berlangsung pada 3 - 5 Mac 2023 bertempat di Kg Sungai Padang, Simpang Ampat Perlis.

Majlis Perasmian Penutupan yang berlangsung hari ini disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis. Majlis turut di hadiri oleh YAB Tuan Mohd Shukri Ramli, Menteri Besar Perlis dan YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

PAT 2023 dilaksanakan sepenuhnya secara fizikal setelah dua tahun penganjurannya secara dalam talian dan hibrid iaitu pada tahun 2021 dan 2022 ketika negara dalam fasa pandemik Covid-19. Pada tahun ini, pelbagai aktiviti dan pengisian ditonjolkan bagi mengangkat keunikan, kesenian dan warisan tradisi negeri sebagai usaha memastikan generasi muda menghargainya dan tidak ditelan zaman. Selain itu juga, ia dapat mempromosikan gaya hidup sihat melalui pelbagai acara yang dianjurkan.

PAT 2023 pada kali ini dimeriahkan dengan persembahan bersifat Islamik seperti Malam Rohani "Perlis Berzikir" (Panduan Berzikir Mengikut Sunnah), Forum Agama "Dunia Akhir Zaman" dan Wayang Kulit (Kerohanian). Di samping itu, artis jemputan seperti Zarul Umbrella dan kumpulan Twinnies turut ditampilkan bagi memeriahkan acara bersama-sama dengan persembahan gabungan kesenian autentik (Awang Batil, Terinai dan Alu Bunyi) serta Persembahan Kumpulan Kesenian JKKN Perlis,

Persembahan Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Perlis, Kumpulan Two Voice dan Kumpulan Twin Boys Band.

Selain itu, PAT 2023 turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sukan rakyat dan pertandingan yang menghiburkan. Menariknya, PAT pada tahun ini melibatkan seramai 2,000 orang peserta dalam 34 acara pertandingan yang dianjurkan bagi merebut hadiah-hadiah menarik. Acara pertandingan ini bukan sahaja berjaya menarik perhatian masyarakat setempat, malah juga dari seluruh Malaysia dan negara jiran, Thailand. Antara pertandingan yang menjadi tumpuan adalah Pertandingan Jerami Ikon dan Pagar Sesat, Larian Angin Timur PAT 2023, Pertandingan Lumba Kerbau Besi dan banyak lagi.

Sepanjang tiga hari penganjuran PAT 2023, terdapat juga program sisipan yang telah disusun untuk para pengunjung seperti acara demonstrasi mencanting batik dan anyaman kraf, aksi anjing pengesan (K9), pembuatan kuih tradisional, mengemping padi, permainan gasing, memanah berkuda serta demonstrasi seni bela diri seperti silat dan wushu. Terdapat juga *car boot sales*, pameran *motorhome*, pameran lori berhias, persembahan wau dan layang-layang bercahaya.

“Matlamat utama pesta ini adalah untuk mempromosikan aktiviti kebudayaan tempatan sebagai salah satu produk industri pelancongan Negeri Perlis serta menyemarakkan kesenian, kebudayaan dan tradisi masyarakat tempatan kepada masyarakat luar. Di samping itu, ia juga sebagai satu usaha menjadikan negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang masih utuh dengan kesenian tradisional sebagai tarikan kepada pelancong” jelas **YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan**.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya dan laman web JKKN.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nurmila Binti Said Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN Perlis nurmila@jkkn.gov.my Tel: 04-9793600
--	--

SENARAI PERTANDINGAN SEMPENA PAT 2023

1. Larian Angin Timur PAT 2023
2. Pertandingan Jerami Ikon dan Pagar Sesat
3. Pertandingan Lumba Kerbau Besi
4. Pertandingan Menangkap Itik
5. Pertandingan Menggagau Ikan
6. Pertandingan Pukul Bantal Kanak-Kanak
7. Peragaan Busana Kebaya Perlis Dan Baju Kurung Perlis
8. Pertandingan Sepak Penalti Bendang
9. Pertandingan Bola Jaring Bendang
10. Pertandingan Ayam Serama Cantik
11. Pertandingan Mengail Hasil Tanaman
12. Peraduan Teka Berat Padi
13. Pertandingan Lumba Basikal Dalam Bendang
14. Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
15. Pertandingan Tarik Tali
16. Pertandingan Layang- Layang Dan Wau Tradisional
17. Pertandingan Memasak Berasaskan Ikan Darat
18. Pertandingan Dangau Tradisional Kreatif
19. Pertandingan Memancing
20. Pertandingan Gusti Lengan
21. Pertandingan Dam Aji
22. Pertandingan Congkak
23. Pertandingan Batu Selambut
24. Pertandingan Sepak Raga
25. Pertandingan Tuju Tin
26. Pertandingan Tarik Upih
27. Pertandingan Petani Sado
28. Pertandingan Badang Bendang
29. Pertandingan Deklamasi Puisi / Sajak Loghat Utara
30. Pertandingan Fotografi
31. Pertandingan Sukan Lasak Bendang
32. Pertandingan *Motocross* Bendang

33. Pertandingan ATV Bendang

34. Permainan *Target Shoot*

